



**UCAPAN PERASMIAN
YB. DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA
MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENGEBILAN
BERSEPADU ANTARA INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD
(IWK) DAN SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU)**

PADA 20 DISEMBER 2019

SALUTATION (tertakluk kepada pengesahan kehadiran)

Salam Sejahtera Dan Selamat Pagi,

Terima kasih Pengerusi Majlis.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR,

Menteri Besar Terengganu;

YANG BERHORMAT DATO' HAJI YAHAYA ALI,

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu;

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU ZULPURI SHAH RAJA PUJI,

Timbalan Menteri Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH PAWANTEH,

Ketua Setiausaha,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERHORMAT DR HAJI MAMAD BIN PUTEH,

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Tenaga & Teknologi Hijau Negeri Terengganu;

YANG BERBAHAGIA DATO' AHMAD FAIZAL ABDUL RAHMAN,

Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara;

YANG BERUSAHA ENCIK AMIRUDDIN ABDUL AZIZ,
Pengerusi, Indah Water Konsortium Sdn Bhd;

YANG BERUSAHA ENCIK NARENDRAN MANIAM,
Ketua Pegawai Eksekutif, Indah Water Konsortium Sdn Bhd;

YANG BERUSAHA IR HAJI ATEMIN BIN SULONG,
Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd;

Wakil media massa, Tuan-Tuan dan Puan Puan hadirin sekalian.

1. Hari ini merupakan hari yang bersejarah buat industri air dan pabmetungan Negara. Kita semua berkumpul pada pagi ini untuk menyaksikan satu majlis penting antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam usaha Kerajaan untuk menggabungkan bil air dan bil pabmetungan di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

2. Saya gembira apabila syarikat pabmetungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan - Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dan syarikat air milik Kerajaan Negeri Terengganu - Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian pengebilan bersepadu bagi perkhidmatan air dan pabmetungan. Pengebilan bersepadu ini akan bermula di seluruh Negeri Terengganu pada 1 Januari 2020 dan bil pertamanya akan dikeluarkan adalah pada bulan Mac 2020.

3. Pengebilan bersepadu yang bakal dilaksanakan pada Januari depan akan melibatkan 20,661 akaun pelanggan bagi premis yang menggunakan perkhidmatan pabmetungan jenis bersambung.

4. Di kesempatan ini, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. YAB juga selaku Pengerusi SATU dan mewakili

seluruh negeri Terengganu bakal menjadi negeri pertama di Semenanjung Malaysia yang menyokong inisiatif bil bersepadu ini. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat atas kerjasama yang diberikan, dalam menyokong aspirasi Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan air dan pembedung.

Hadirin sekalian,

5. Pada Mac 2016, kita telah menyaksikan pelaksanaan bil bersepadu yang pertama antara Jabatan Bekalan Air Labuan (JBAL) dengan IWK di Wilayah Persekutuan Labuan. Kini setelah hampir tiga tahun, penduduk di Labuan telah menerima baik pelaksanaan bil bersepadu ini di mana kadar kutipan caj pembedung bagi bil IWK sehingga September 2019 telah mencapai sebanyak 91.6 peratus.

6. Pengebilan bersepadu ini sebenarnya memudahkan urusan pengguna kerana pengguna hanya perlu membayar satu bil sahaja dan perlu menghubungi satu nombor telefon sahaja untuk urusan khidmat pelanggan bagi kedua-dua perkhidmatan berkenaan.

7. Pada peringkat awal pelaksanaan, pengguna mungkin menimbulkan pelbagai persoalan. Saya berharap agar IWK dan SATU dapat memberikan khidmat pelanggan yang terbaik agar pengguna dapat memahami konsep pengebilan bersepadu ini. Saya percaya, pelanggan bagi perkhidmatan air dan sistem pembedung bersambung di Negeri Terengganu akan dapat menerima usahasama ini demi kepentingan bersama.

Hadirin sekalian,

8. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana menyokong pelaksanaan sistem pengebilan bersepadu antara IWK dan SATU. Tahniah juga saya ucapkan kepada pihak SATU dan IWK di atas kejayaan mencapai persefahaman perniagaan yang akan memberi kebaikan bagi pengguna serta kedua-dua pihak.

9. Saya berharap kejayaan ini akan menjadi contoh dan ikutan kepada Negeri-Negeri dan operator-operator air yang lain dalam usaha menggabungkan bil air dan pembedung.

Sekian, terima kasih.